



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 5 RABU 2 FEBRUARI, 1966.

رابو 12 شوال 1385

PERCHUMA

Pertandingan Bintang Radio Brunei Berjaya

BANDAR BRUNEI — “Burong nuri terbang sekawan — Hinggap mari di-atas para. Kapada penyanyi yang sedang berlawan — Saya ucapkan maju dan jaya”. Demikian antara-nya kata



AWANG G. V. DE FREITAS,
Pengaruh Penyiaran dan Penerangan
Brunei.

Pengaruh Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas semasa beliau memberikan ucapan di-majlis

Pertandingan Bintang Radio Brunei di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 28 Januari, 1966.

Antara ucapan beliau adalah seperti berikut:

“Kejayaan peraduan ini ditahun2 yang lampau, semakin bertambah2 dan Radio Brunei sedang berusaha lebih giat lagi untuk menggalakkan para biduan dan biduanita serta ahli2 seni musik untuk datang kachurong pembesar suara-nya sambil menunjokkan bakat2 mereka.

Kita bersama2 akan menikmati pada malam ini suara2 merdu dari para biduan dan biduanita yang telah berjaya untuk masuk ka-perangkat akhir peraduan ini dan kami semua terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada mereka kerana kejayaan yang mereka sa-benar-nya berhak menerima-nya.

Tidak lama lagi, saya berharap kita akan dapat mengadakan peraduan ini di-sabua panggong yang sedang di-bena dalam bangunan baru Radio Brunei di-persimpangan Jalan Stoney dan Jalan Elizabeth. Apabila panggong itu siap di-bena kelak, maka ia akan dapat mengisi seramai lima ratus orang penonton dengan penoh ke-



AWANG MOHAMED
SALLEH KADIR,
Timbalan Pengarah
Penyiaran dan Penerangan
Brunei.

rehatan dan akan mengadakan keadaan2 untuk mendapatkan suasana pendengaran yang lebih baik bagi hiburan2, pertunjukan2 kesenian dan sebagai-nya.

TAHNIH

Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir berkata sa-bagai mengambil sempena Pertandingan Bintang Radio Brunei pada malam Sabtu yang lalu bahawa beliau sungguh berbesar hati dan mengucapkan tahniah yang sa-tinggi2-nya kepada Bahagian Melayu Radio Brunei atas usahanya sekali lagi mengadakan Pertandingan Bintang Radio tahun-nya.

Ini-lah kali yang ke-tujuh Bahagian Melayu Radio Brunei mengadakan Pertandingan Bintang Raido.

“Memang tidak dapat kita sangkal, bahawa mengadakan pertandingan seumpama ini, jika sekali pandang, ada-lah sangat senang sekali, tetapi jika kita kaji sedalam2-nya, maka kita akan mendapati, betapa berat-nya mengusahakan pertandingan seperti ini.

(Lihat Muka 8)

Pekerjaan Kajian Peranchang Bandar Di-Jalankan

BANDAR BRUNEI — Pengiraan lalu lintas keenderaan dan penarohan keenderaan di-Bandar Brunei telah di-jalankan oleh anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei mulai pada hari Ithnin 31 Januari. Pekerjaan itu di-sambong kelemarin dan akan di-teruskan dalam minggu ini.

Berhubung dengan perkara tersebut, Penasehat Peranchang Bandar, Awang Robert Smart menerangkan bahawa tujuan di-adakan pengiraan terhadap perkara yang di-lakukan oleh pihak Pulis itu, ia-lah untuk menentukan padat lalu lintas dalam kawasan bandar serta jangka masa penarohan keenderaan oleh orang ramai.

“Kerja mengira lalu lintas dan penarohan kereta2 di-usahakan oleh pihak Pulis. Kegiatan2 mereka, hanya-lah untuk mengutip ma’lumat dan tidak ada kena mengena sekali dengan kemungkinan2 melanggar Undang2 Lalu Lintas dan Penarohan Keenderaan”, kata Awang Smart.

Beliau menerangkan lagi bahawa ma’lumat2 yang diterima itu, akan membantu peranchang2 bandar untuk mengadakan ranchangan2 yang sesuai sekali bagi pembangunan masa depan ibu kota negeri ini.

Awang Smart telah mengesa kapada pemandu2 kereta supaya bekerjasama dalam perengkat kajian ini supaya pada masa hadapan tempat2 penarohan kereta2 yang chukop akan di-adakan bagi mereka.

Satu majlis menyempatkan hadiah2 Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Tiong Hua kapada kanak2 yang sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah di-adakan di-Rumah Sakit itu pada petang hari Khamis 27 Januari, 1966. Majlis itu telah di-adakan bersama di-bawah anjoran Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei dan Jawatan Kuasa Derma Hari Raya. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin. Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut. Dari kiri kekanan: Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Doktor I. G. Singh (memakai serban); Y.B. Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin, Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Doktor J. S. Gould (Yang Dipertua Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei) dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, yang telah hadir di-majlis tersebut sebagai Pengerusi Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat Kelab Rotary Antara Bangsa Brunei dan juga sebagai Pengerusi Jawatan kuasa Derma Hari Raya tersebut.



TEMPAT MENGAJAR GURU2 BAHARU KELUARAN MAKTAB2 PERGURUAN TAHUN - 1965

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 1 Februari, 1966 guru2 baharu keluaran dari Maktab Perguruan Melayu Brunei dan Maktab Perguruan Kota Bharu Kelantan yang telah selesai berlatih 3 tahun di-atorkan mengajar di-sekolah2 yang tersebut di-bawah ini.

Peratoran ini ada-lah bagi sementara sahaja sa-hingga keluar siaran lain lagi bagi penantuan-nya untuk mengisi sekolah2 yang betul2 berkehendak dan kekurangan Guru2 Terlatih.

DARI MAKTAB PERGURUAN MELAYU BRUNEI)

1. Umar bin Daud, Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara; 2. Ak. Kahar bin Pengiran Metali Sekolah Melayu Sengkurong; 3. Kamarulzaman bin Taha Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai Bharu; 4. Ak. Hashim bin Pengiran Tajuddin Sekolah Melayu Pintu Malim; 5. Mohammed bin Abd. Rahman Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar Temburong; 6. Damit bin Bolji Sekolah Melayu Sungai Kebun.

7. Mohammad bin Lamat Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara; 8. Md. Yassin bin Kasim Sekolah Melayu Sungai Kebun; 9. Tuah bin Ahmad Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai Bharu; 10. Makbar bin Puting Sekolah Melayu Sungai Kebun; 11. Ibrahim bin Mohamad Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas; 12. Md. Dini bin Taib Sekolah Melayu Sinaut.

13. Radin bin Karim Sekolah Melayu Kiarong; 14. Kifli bin Umar Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara; 15. Md. Deli bin Fatimah Sekolah Melayu Danau; 16. Abdullah bin Tahir Sekolah Melayu Danau; 17. Norhashim bin Abdul Rahman Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut; 18. Ja'afar bin Abdul Wahab Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

19. Abd. Karim bin Mohd. Ali Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjong Maya; 20. Metali bin Ahmad Sekolah Melayu Dato Gandi; 21. Md. Taha bin Ahmad Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai Bharu; 22. Ak. Metussin bin P. Md. Yassin Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 23. Ak. Metassan bin Pengiran Ahmad Sekolah Melayu Lela Menchanai; 24. Zaini bin Kalong Sekolah Melayu Lumapas.

25. Bakar bin Chuchu Sekolah Melayu Kiulap; 26. Abd. Majid bin Ya'akub Sekolah Melayu Lela Menchanai; 27. Tuah bin O.K. Haji Saman Sekolah Melayu Sengkurong; 28. Ak. Chuchu bin P. Haji W-hab Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 29.

Hamid bin Hashim Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 30. Zaman bin Damit Sekolah Melayu Lela Menchanai.

31. Abd. Rahman bin Bagol Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin Muara; 32. Rosli bin Md. Noor Sekolah Melayu Sungai Hanching; 33. Bungso bin Sabtu Sekolah Melayu Lumapas; 34. Baharudin bin Abd. Rahman Sekolah Melayu Gadong; 35. Ujan bin Yusoff Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 36. Mohammad bin Damit Sekolah Melayu Lela Menchanai; 37. Besar bin Ibrahim Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Temburong; 38. Ak. Moham-

61. Muhammad bin Amp. Judah Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Temburong; 62. Zainuddin bin H. Ja'afar Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 63. Taufik bin Abas Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 64. Morni bin Saud Sekolah Melayu Sungai Hanching; 65. Md. Said bin Md. Noor Sekolah Melayu Sinaut; 66. Ja'afar bin Apang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

67. Tudin bin Ahmad Sekolah Melayu Sengkurong; 68. Lamat bin H. Abd. Rahman Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas; 69. Md. Salleh bin Abdullah Sekolah

Isteri Fatimah; 78. Zauyah bt. Sh. Abdullah Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

79. Saunah binte Tungkat Sekolah Melayu Sengkurong; 80. Insan binte Haji Serudin Sekolah Melayu Sungai Kebun; 81. Halimah binte Mohamad Sekolah Melayu Penanjong; 82. Ruyah binte Mohiddin Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah; 83. Ismah binte Sirat Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut; 84. Malai Zaleha binte S. Muhammad Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

85. Dk. Midah bt. P. Damit Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria; 86. Rambunai bt. Abu Bakar Sekolah Melayu Sungai Kebun; 87. Fatimah binte Noordin Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin; 88. Rohani bt. Mohiddin Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah; 89. Danyang Damit binte Md. Noor Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

90. Juanah binte Lahab Sekolah Melayu Keriam; 91. Md. Ali bin Ahmad Sekolah Melayu Dato Gandi; 92. Mohsin bin Khatam Sekolah Melayu Lamunin; 93. Noraini binte Md. Said Sekolah Melayu Sungai Liang; 94. Zawiyah bte. Besar Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Temburong; 95. Jamil bin Metasan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul

DARI MAKTAB PERGURUAN KOTA BHARU KELANTAN

96. Ak. Shahbudin b. P. H. Tengah Sekolah Melayu Sungai Hanching; 97. Ismi bin Hamid Sekolah Melayu Sungai Liang.

Gunakan-lah Bahasa Melayu Dalam Segala Lapangan Sa-tiap Masa

med bin P. Md. Daud Sekolah Melayu Sengkurong; 39. Liman bin Md. Said Sekolah Melayu Lela Menchanai; 40. Md. Ali bin Othman Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria; 41. Suhaili bin Sulaiman Sekolah Melayu Lela Menchanai; 42. Ak. Ali bin Pengiran Hidup Sekolah Melayu Lela Menchanai.

43. Abdullah bin A. Damit Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 44. Md. Isa bin Saban Sekolah Melayu Tanah Jambu; 45. Md. Zaman bin Ali Sekolah Melayu Lela Menchanai; 46. Ak. Mohammad bin P. A. Rahman Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 47. Ak. Metusin bin P. Ismail Sekolah Melayu Lela Menchanai; 48. Abd. Kadir bin Md. Ja'afar Sekolah Melayu Sungai Kebun.

49. Abdullah Sani bin H. Ali Husain Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 50. Abd. Rahman bin Othman Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; 51. Abd. Latif bin Othman Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjong Maya; 52. Rosli bin Abd. Hamid Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar Temburong; 53. Mahmud bin Abd. Latif Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjong Maya; 54. Mahanin bin Ja'afar Sekolah Melayu Sungai Kebun.

55. Ak. Ahmad bin P. Umar Sekolah Melayu Lela Menchanai; 56. Tuah bin Haji Serudin Sekolah Melayu Sungai Kebun; 57. A. Damit bin A. Bungso Sekolah Melayu Lela Menchanai; 58. Othman bin Damit Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas; 59. Md. Hassan bin Yahya Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin Muara; 60. Tajuddin bin Parang Sekolah Melayu Belingos.

Melayu Lela Menchanai; 70. Fatimah binte Abd. Ghani Sekolah Melayu Lambak; 71. Dk. Rosnah binte P. H. Rajid Sekolah Melayu Delima I; 72. Sahara binte Ahmad Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

73. Dk. Meriam binte P. H. Chuchu Sekolah Melayu Anggerek Desa; 74. Siti Teh binte Selamat Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria; 75. Aminah binte Momin Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah; 76. Aminah binte Ibrahim Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah; 77. Norsiah binte Mohammad Sekolah Melayu Raja

Pertukaran Guru-Guru

BANDAR BRUNEI. — Oleh kerana penubuhan sa-buah Sekolah Menengah Melayu di-Bandar Brunei dan menyesuaikan guru2 maka mulai dari 7 Februari, 1966 guru2 yang tersebut nama-nya di-bawah ini ada-lah di-atorkan bertukar menjadi Guru2 Penolong di-Sekolah2 yang berkenaan.

Sa-belum meninggal-kan sekolah tempat mengajar guru2 tersebut hendak-lah terlebih dahulu menyerankan tanggungjawab masing2 kepada Guru Besar atau wakil-nya dengan sempurna.

Nama guru2 itu ia-lah:

1. Ak. Tuah bin P. Apang dari Sekolah Ahmad Tajuddin ka-Sekolah SMJA, Brunei; 2. Ak. Sabtu b. P. M. Salleh dari Sekolah Sultan Hasan Bangar ka-Sekolah SMJA, Brunei; 3. Ismail bin Opak dari Sekolah Ahmad Tajuddin ka-Sekolah SMJA, Brunei; 4. Maksin bin Abd. Kadir dari Sekolah Muda Hashim ka-Sekolah SMJA, Brunei; 5. Abd. Wahid bin Tungkat dari Sekolah SMJA (R) ka-Sekolah SMJA,

Brunei; 6. P. M. Yasin bin P. Kamaluddin SMJA (R) ka-Sekolah SMJA, Brunei; 7. Zaidi bin Taha SMJA (R) ka-Sekolah SMJA, Brunei; 8. Mandin bin Uking dari Sekolah SMJA (R) ka-Sekolah SMJA, Brunei; 9. Md. Yusuf bin Muhammad dari Sekolah Muhammad Alam ka-Sekolah SMJA, Brunei; 10. Ak. Mustafa b. P. Metassan dari Sekolah Muhammad Alam ka-Sekolah SMJA, Brunei; 11. Sulaiman bin Chuchu dari Sekolah SUAS, Muara ka-Sekolah SMJA, Brunei; 12. Abdul Hamid bin Arshad dari Sekolah Muhammad Alam ka-Sekolah SMJA, Brunei; 13. Norfiah binte Jirim dari Sekolah Muhammad Alam ka-Sekolah SMJA, Brunei; 14. Hafsa binte H. Mohiddin dari Sekolah SUAS, Muara ka-Sekolah Raja Isteri Fatimah.

Nadzir bahagian masing2 hendak-lah mengatorkan keinderaan bagi pertukaran ini dan peratoran ketetapan keinderaan hendak-lah hantar kepada Kerani Keinderaan, Jabatan Pelajaran, Brunei.

RANCHANGAN JABATAN PELAJARAN:

Latehan Perniagaan Dalam Bidang Pertukangan

BAHAWA Negeri Brunei beberapa tahun belakangan ini telah pun menjalankan usaha segara mengenai mempermoden dan tampak sekali jelas-nya kepada orang2 yang suka memperhatikan-nya dan boleh membandingkan keadaan tersebut dengan keadaan yang ada sepuluh tahun yang lampau.

Pada ketika itu jelas sekali tidak ada jalan raya atau jalan2 raya yang terpelihara, dan kebanyakan kampung2 hanya mempunyai jalan2 kechil. Seditik sekali rumah2 yang mempunyai bekalan lampu elektrik, telepon atau radio dan kemudahan2 permulaan, kerita2, outboard motor, peti ayer sejok, alat-pencuci, alat pembersehan debu2 dan alat mengilatkan lantai, semua-nya tidak ada.

Di-sebabkan nasib baik, kekayaan di-dapati dari hasil minyak, Negeri Brunei telah pun dapat membawa kemudahan2 tersebut kepada ra'ayat-nya dari hari ke-se-hari. Apa-kah perluasan tersebut dan sampai di-mana pula? Ada berbagai jalan untuk mengukur-nya sebagai contoh-nya dapat diukur melalui banyak-nya pendaftaran nombor kerita2, tetapi lebeh baik — kerana ia-nya lebeh luas di-gunakan dalam semua bidang alat2 moden di-tiap2 bangunan atau pekerjaan — penggunaan kuasa elektrik ada-lah merupakan chara2 kemajuan untuk di-ukur.

Bertambah-nya pemakaian tenaga elektrik dari sa-tahun kasetahun menunjukkan kadar mana kemajuan umum yang telah berlaku. Mengenai asas ini Bandar Brunei dewasa ini memakai lima kali banyak-nya tenaga elektrik daripada yang telah di-gunakan-nya sembilan tahun yang lampau, dan apa yang hendak di-katakan lagi, tambahan ini menunjukkan tidak ada pengurangan — tetapi dapat di-harapkan bertambah dalam beberapa tahun yang akan datang.

Hingga sampai sekarang dasar pelajaran dalam Negeri Brunei ada-lah di-tujukan kepada pandai membacha kepada ra'ayat banyak, dan akademik yang lebeh tinggi kepada siapa juga yang boleh menarek ke-untungan dari pelajaran tersebut. Maka oleh sebab itu siapa sahaja boleh menyelesaikan pelajaran rendah dan boleh membacha, menulis dan menghitung dan mereka telah di-ajarkan untuk memahami se-suatu-nya yang berlaku dalam dunia sekeliling mereka.

Dewasa ini semua sekolah menengah di-Brunei ada-lah bersifat akademik, mengikuti

lanjutan pelajaran sekolah rendah dan tingkat tinggi dan menyiapkan anak2 muda untuk kehidupan sepenoh-nya demikian juga menyesuaikan diri mereka untuk pekerja'an apa yang di-gelar kalong baju puteh dalam aneka urusan dan kegiatan2 pejabat kerajaan, dalam bank atau perusahaan2 perdagangan dan sebagai guru dalam sekolah2 rendah. Di-antara yang banyak tersebut hanya beberapa orang sahaja biasa-nya yang melanjutkan pelajaran mereka dengan melalui beasiswa ke-universiti dalam undang2, perubatan, pentadbiran demikian juga dalam sain, kejuteraan mengajar dalam sekolah2 menengah.

Untuk beberapa tahun sudah lama-nya Sekolah Pertukangan Shell di-Seria ada-lah yang pertama dan satu-nya tempat dalam negeri ini dimana dapat melateh budak2 sebagai 'artisan' atau teknisen dan ia-nya telah pun menghasilkan dan sedang melaksanakan satu usaha yang baik, tidak hanya untuk memenohi keperluan padang minyak, tetapi melateh sa-bilangan besar yang telah pun mendapat pekerjaan dalam Jabatan Kerja Raya, Elektrik, Telepon, Keinderaan Darat dan di-mana pun juga.

Sepanjang tahun2 pembangunan yang giat tersebut mengenai kebendaan dalam Negeri Brunei, para kontraktor terpaksa membawa masuk perkhidmatan ahli2 pekerja2 luar dalam berbagai2 jenis pekerjaan bangunan dan pertukangan dalam jurusan kejuteraan. Kebanyakan dari pekerja2 tersebut datang dari Hong Kong, Singapura, Malaya, dari Sabah dan Sarawak, tetapi tiada sebab-nya mengapa Brunei tidak, pada satu hari mengadakan ahli2-nya yang tersendiri. Adalah sangat mudah untuk mengadakan kemudahan2 latehan yang sesuai.

Jadi masa-nya sudah sampai bagi pelajaran dalam Negeri Brunei di-atas satu lapangan yang lebeh besar. Tiap2 bangunan yang di-dirikan memerlukan sekumpulan ahli2 artisan dalam pembena'an-nya. Demikian juga bangunan tersebut memerlukan rawatan yang berkala dan pembaikan2 mengenai atap, chat, wire-elektrik telepon demikian juga alat2 pendingin, bekalan ayer dan seloran membuang najis. Tiap2 satu kerita yang bergerak di-jalan raya memerlukan servicing yang tetap jika kenderaan tersebut hendak dalam keadaan selamat dan baik, tiap2 perkakas rumah, tiap2 jam dan basikal, tiap2 mesin taip dan outboard motor memerlukan

pembaikan dari masa ka-masa dan tiap2 Jabatan Kerajaan dan pertubuhan perdagangan dalam se-suatu negeri yang moden mempunyai bilangan artisan yang berkembang dan ahli2 teknisen untuk memulakan-nya dan sentiasa mengerakkan roda-nya bergerak, untuk memasang dan memelihara jentera2 yang baru tersebut yang sentiasa mempunyai model2 baru dan satu chara rawatan yang baru mengenai jentera-nya.

Keputusan Kerajaan Brunei baru2 ini untuk membuka sekolah pertukangan berarti dalam masa yang tidak berapa lama lagi, warga negara Brunei boleh menguruskan kebanyakan kerja2 pembena'an dan pemelihara'an yang pada masa2 lampau di-kerjakan oleh orang2 yang bukan warga-negara.

Apa-kah jenis budak2 yang akan didaftarkan dalam sekolah2 pertukangan Artisan yang telah membangun, bangunan2 yang indah2 di-waktu pertamadon purba, Negeri China, India dan Cambodia, demikian juga, Negeri Arab, Greek dan Rome yang tak pandai membacha dan menulis tetapi di-bawah arahan arkitek dan jurutera2 yang berkebolehan mereka telah membena Tembok Besar Negeri China, rumah2 berhala indah India, paramid2 Negeri Arab dan bangunan2 yang bernilai Greek, pembena'an yang melintasi sesuatu-nya, saloran yang menyeberangi sungai atau jembatan, atau istana2 Rome.

Mereka boleh membangun semua-nya itu dengan hanya sedikit atau dengan tidak mendapat pelajaran resmi sebab chara2-nya pada zaman itu mudah dan untuk meratakan tanah tapak menchukupi ha-nya dengan chari orang2 kuat — biasa-nya hamba-abdi — untuk meratakan gunung — dengan bakul2 tanah. Dalam zaman moden bakul2 tanah tersebut telah di-gantikan oleh buldozer, jadi hanya sa-orang sahaja yang di-lateh sebagai pemandu-nya, dan sa-orang lagi sebagai mekanik, dapat mengerjakan kerja2 yang dibuat oleh beribu2 buroh. Tetapi kedua orang itu mesti menggunakan otak mereka bukan-nya kekuatan mereka.

Ini-lah sebab2-nya mengapa budak2 yang menchari latehan dalam kursus tiga tahun untuk artisan2 dalam sekolah2 pertukangan Kerajaan akan di-pilih daripada Seko'ah Menengah Tkt. II Sekolah Ingeris atau mahu pun Sekolah Melayu. Mereka akan memutuskan sama ada mereka ingin hendak memasoki jurusan kejurute-

ra'an atau jenis bangunan, dan dalam masa tahun pertama mereka, mereka akan di-lateh dalam beberapa jenis pertukangan ini supaya mereka mempunyai pengertian yang lebeh luas dalam semua bidang pertukangan. Sesudah itu mereka akan di-khaskan dalam satu jurusan saperti berikut: —

Bahagian Bangunan di-Bandar Brunei.

Pertukangan dan Penyambungan. Masonry, Batu, Konkeret dan plasterwork.

Chat dan Menghiasan.

Plumbing dan Pipefitting.

Pemasangan alat2 elektrik.

Bahagian Kejuruteraan di-Kuala Belait.

Mekanikal Fitting dan mesin.

Elektrikal Fitting.

Sheet kerja2 logam dan tukang besi.

Kenderaan Pemelihara'an dan Memperbaiki.

Banyak orang yang chenderong mengenai perkara ini akan bertanya mengapa sekolah pertukangan akan di-tubuhkan hanya di-pusat? Bandar Brunei dan Kuala Belait. Mereka mungkin merasa bahawa sekolah yang saperti itu patut-lah juga di-dirikan di-Temburong dan Muara.

Pertama-nya sekali, sekolah besar yang saperti ini dapat di-selenggarakan dengan baik-nya melebehi daripada sekolah2 kechil lain-nya, dan dalam lain2 hal pula budak2 yang berada dalam Daerah lain tidak akan merasa di-rugikan. Kedua2 sekolah tersebut akan menyediakan tempat tinggal sekali, dengan sharat bahawa budak2 Tkt. II yang berasal dari mana pun dapat menunjukkan kepintaran kerja2 tangan yang di-perlukan itu, ia-nya akan di-terima masuk. Adalah di-harapkan supaya kedua2 sekolah tersebut akan di-buka dalam bulan Januari 1968.

Kursus2 sekolah pertukangan ada-lah selama tiga tahun dan empat hari dari lima hari seminggu akan di-adakan latehan2 dalam workshop. Di-hari kelima-nya budak2 tersebut akan berada dalam bilek2 darjah makmal dan pejabat mengambar untuk mempelajari chara2 melukis, ilmu hisab, sain dan teknologi, sementara itu dalam waktu senggang mereka akan dapat di-lateh dalam olahraga dan sukan.

Ranchangan2 ada-lah di-siapkan untuk membangun sebuah sekolah Menengah Mata Pencharian (Vocational School) di-Tutong untuk melateh Pembantu2 Teknikal. Rangkaian workshop-nya akan serupa dengan sekolah2 pertukangan, tetapi budak2nya akan berada belajar dalam workshop dan bilek2 darjah makmal dan pejabat2 melukis.

Di-bahagian tiori-nya pula ada-lah akan lebeh maju daripada Sekolah Pertukangan, kelayakan masuk ia-lah Tkt. III Sekolah Ingeris dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran sain dan ilmu Hisab, dalam Sijil Rendah Pelajaran.

Akan di-utangkan juga Sekolah Menengah Mata Pencharian untuk latehan dalam perdagangan untuk budak lelaki dan perempuan.

Sungguh pun sekolah2 tersebut akan di-bena di-masa yang akan datang, sekolah2 tersebut akan di-gunakan untuk beberapa tahun lama-nya sebagai akademik. Sekolah Menengah Ingeris dan akan di-gubah kepada bentuk-nya yang semula sebagai Sekolah Mata Pencharian dalam tahun 1970 apabila telah di-harapkan bahawa bilangan budak2 tamatan L.C.E., berkelayakan memasoki-nya.

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

(Sambongan)

MENGENAI persoalan: "Apa-kah bahasa?" banyak dan pelbagai jawatan telah diberikan. Sa-bahagian dari para serjana bahasa, mengambil dasar dari aspek bunyi bahasa (phonetic) dalam ucapan telah menetapkan bahasa sa-bagai satu fungsi yang berupa bunyi suara yang di-keluarkan oleh alatan2 khusus yang terdapat dalam anggota manusia dan di-terima oleh pehak yang lain.

Yang lain-nya berpendapat, sa-lagi chiri terbesar dari bahasa mempunyai pengertian sa-penoh-nya, dan sa-lagi pengertian2 perkataan dapat di-perbuat atau di-terima tanpa perantaraan bunyi, sa-bagai yang boleh di-buat dengan chara isyarat atau daya gerak yang menentukan hubungan isyarat pertuturan, maka aspek bunyi bahasa dalam perchakapan ada-lah fungsi kedua dalam pengertian kata.

Bagi ahli tata bahasa, bahasa pertama-nya ada-lah siri2 dari bentuk tata bahasa, awalan dan akhiran kata. Ahli2 sastera bahasa bagi mereka adalah merupakan siri2 perkataan yang terator atau tersusun untuk mengeluarkan keindahan pemikiran yang harmoni dan mempunyai kesan yang lojek. Pada penyusunan perkamus, bahasa merupakan daftar kata2 yang terpisah antara satu dengan lain, asal-nya maupun pengertian-nya. Dan kapada orang2 kebanyakan bahasa ada-lah apa yang di-pergunakan mereka, sa-chara tidak disadari sabagai alat perhubungan antara mereka sama sendiri.

Kesaluroh-nya, semua pembahagian2 ini ada-lah betul. Namun sa-benar-nya oleh kerana semua-nya betul, maka nilai dari pengertian bahasa lebeh besar dari apa yang diperkatakan dalam semua bahagian2 tadi.

Bunyi sa-benar-nya bukan-lah khusus bererti bahasa, tetapi bahasa yang di-pertuturkan tidak shak lagi mempunyai bunyi. Pengertian2 boleh juga di-dapat dari beberapa banyak ka'edah yang bokus bersifat bahasa (non-linguistic ways).

Oleh kerana itu, berdasarkan pengertian semata2, bukan-lah bahasa; namun bahasa menurut nama-nya, harus-lah pula mempunyai pengertian di-dalam-nya.

Bentuk2 tata bahasa dan chabang2an-nya akan terbawa sendiri-nya dalam pengajian2 bahasa mana juga pun oleh pelajar2 yang mendalami pengetahuan mereka dalam lapangan bahasa lagi pula bagaimana premitif atau pun konon-nya sesuatu bahasa, namun ada-lah di-dapati juga unsur2 tatabahasa dalam bahasa itu.

oleh Ibrahim Mohd. Said

Bahasa dalam pertuturan dan tulisan mempunyai bentuk atau rupa yang berasingan, namun jika bahasa itu tidak di-susun menurut sa-mesti-nya, bukan sahaja ia tidak merupakan suatu keindahan atau sesuatu yang lojek, malah juga tidak berjaya untuk menggambarkan suatu pengertian yang di-maksudkan. Pendek-nya sesuatu bahasa yang tidak dapat melaksanakan tugas-nya sa-bagai pengantar dalam masalah perhubungan ada-lah menyalahi kedudukan-nya sa-bagai satu bahasa.

ASPEK BAHASA

Mari-lah kita menumpukan perhatian kita kapada aspek bahasa yang di-dalam terkan-dong pengertian pertuturan dan bunyi ucapan. Pertuturan ada-lah sa-bagai pengantar, manakala tulisan sa-bagai penyokong yang memenohi kehen-dak2 dalam hubungan bagi bangsa2 manusia.

Bahasa yang di-pertuturkan ini berkembang bersibar dan maju dalam waktu yang berabab, mengandongi bunyi suara, di-keluarkan oleh alat bunyi manusia dan di-terima oleh alat pendengar manusia. Dalam hal tulisan sa-bagai pasangan dari bahasa yang di-pertuturkan bunyisuara di-gantikan dengan huruf2 sa-bagai isyarat bunyisuara.

Bahasa dalam pertuturan bukan-lah semata2 bunyisuara sahaja, malah dalam bunyisuara itu ada butir2 yang tertentu dan membawa pengertian yang dapat di-tangkap oleh pendengar, kerana alat bunyi manusia dapat mengeluarkan bermacam2 bunyisuara tetapi tidak membawakan satu maksud yang tertentu yang dapat di-ertikan, sa-bagaimana juga kita boleh mengukir2kan tulisan dengan pensil yang lain dari bentuk huruf biasa, namun ia tidak membawa apa2 pengertian sa-bagai hal-nya dengan bunyisuara tadi.

Bila mana bunyisuara terkumpul merupakan bentuk kata atau kalimat, dan isyarat tertulis menjadi huruf2 atau lain2 alamat yang menimbulkan pengertian; maka ia adalah memenohi syarat sa-penoh-nya dalam pengertian sa-bagai bahasa. Perkataan2 ada-lah merupakan suatu hubungan tertentu yang terjadi dari bunyisuara manusia yang di-dalam-nya mengandongi konsip2 yang pesti dari chita2 maupun pengertian.

BAHASA MANUSIA

Perkataan2 ada-lah di-tumpukan kapada alat pendengar yang terus kapada daya fikir, timbal-balik mengeluarkan dan menerima; yang pada keselu-

luruhan-nya merupakan suatu hubungan mutlak dalam pertuturan atau bahasa manusia. Kesimpulan-nya, bahasa adalah bunyisuara yang merupakan aspek butir2 bunyisuara yang tertentu, dan harus ada dalam keadaan atau susunan yang sa-mesti-nya, dan keselu-rohan-nya mengandongi pengertian yang boleh di-terima oleh pendengar-nya.

Sa-patah perkataan yang menunggal sahaja tidak-lah dapat memberikan pengertian-nya yang sa-penoh. Suatu kalimat yang di-pertuturkan sa-patah mithal-nya perkataan "*anjing*", hanya menerbitkan suatu gambaran dalam fikiran kita sa-ekor anjing. Namun gambaran itu tidak-lah jelas bagaimana bentuk atau keadaan sa-benar-nya anjing yang di-sebut dalam sa-patah pertuturan itu tadi, kecuali di-tambah dengan keterangan atau lain2 chara dengan gerak-isyarat.

Tetapi jika sa-patah perkataan "*anjing*" itu tadi di-tambah dengan beberapa kumpolan kata2 lain seperti "*anjing puteh itu sedang menyalak*", sekarang merupakan sa-ekor anjing yang bulu-nya puteh sedang menyalak2.

Kumpulan2 perkataan seperti tadi menimbulkan gambaran jelas mengenai apa yang di-ucapkan itu, dan gambaran itu dapat di-bayangkan dalam fikiran, sa-olah2 suatu gambaran yang abstract. Dalam ini dapat-lah di-ambil kesimpulan suatu pemindahan yang sempurna dari orang yang menuturkan perchakapan itu kapada yang menerima-nya.

Jelas-lah bahasa merupakan suatu alat perhubung yang lain-nya. Kesempurnaan dari suatu bahasa ada-lah dari dasar pengertian yang dapat di-tangkap, di-terima oleh suatu pehak dari pehak yang mengeluarkan-nya.

Dalam hal ini tadi saya telah memberikan empat fungsi yang tertentu mengenai bahasa dan chara menyampaikan-nya. Elemen terakhir-nya ia-lah pengertian dan penyampaian bahasa itu yang berupa bunyisuara dan alat penerima bunyi.

Keseluruhannya empat aspek penting dalam bahasa ada-lah bunyi suara, perkataan, bagi melengkapi suatu bahasa yang sempurna.

Pertukaran pengertian, dalam pengkajian di-namakan "*semantik*" atau ilmu pengertiankata. Tanpa semantik, suatu bahasa tidak-lah bersifat sempurna dalam pengertian sa-bagai suatu bahasa.

Bunyi yang di-keluarkan dan di-terima oleh alat2 dari tubuh manusia merupakan objek dari bahasa yang di-pertuturkan, dalam-nya mempunyai daya

pengertian yang sempurna dalam pertukaran pengertian dalam fikiran sa-bagai perhubungan di-antara orang2 yang menuturkan suatu bahasa.

Memerhatikan atau mengkaji suatu bahasa yang di-pertuturkan menimbulkan suatu kajian khusus yang berdasarkan dari bentuk bunyi dari berbagai2 aspek seperti keadaan, chara dan gaya bunyi itu sendiri.

Semantik terdiri dari berbagai2 chara dalam pengertian, mungkin dengan pertuturan dengan tulisan, dengan daya gerak maupun dengan isyarat sahaja, namun ia ada-lah mempunyai suatu tugas ia-itu pengertian dalam hubungan antara satu dengan lain. Kerana itu bunyi suara ada-lah satu dari objek yang tidak boleh tidak dalam hubungan ini.

BUNYI SUARA

Perkataan ada-lah suatu sistem yang berdasar dari bunyi suara di-keluarkan oleh alat suara manusia; ia mempunyai bentuk yang berbedad2 dalam pendengaran, sa-tiap suatu-nya mempunyai pengertian yang berlainan dan tertentu pada satu perkara. Dalam ini timbul-nya suatu perkataan adalah mempunyai perkaitan dengan keadaan yang mempengaruhi sekitar diri dan kehidupan manusia.

Ayat2 merupakan gabungan dari perkataan2 yang membawa pengertian penoh dalam tujuan pertuturan antara satu orang dengan satu orang lain-nya. Dalam hubungan ini rangkai2 perkataan yang terator menurut ka'edah tertentu sa-bagai kunchiyang mendirikan suatu ayat, yang menimbulkan keadaan pertuturan yang sempurna dari segi bahasa.

Akhir-nya tata bahasa, ada-lah undang2 dan peratoran tertentu bagi suatu bahasa, ia-nya meliputi segala penggunaan kata, pechahan, bentuk kalimat dan segala sesuatu yang bersangkutan dengan hukum suatu bahasa.

Semua bahasa dalam dunia ini merupakan bunyiusara, perkataan2 dan kumpulan2-nya. Bunyi suara dalam sebutan kalimat bagi satu bangsa dengan bangsa lain-nya harus berbedad2. Namun tidak-lah jelas kita mengerti apa-kah suatu perkataan lain dalam satu2 bahasa mempunyai pengertian yang tepat seperti bahasa yang lain-nya, meskipun bunyi-nya berbedad2. Mithal-nya apa-kah perkataan chari dalam bahasa kita ini sama pengertian dalam maksud perchakapkan bahasa lain, dan demikian pula sa-balek-nya. Tentang ini-lah belum ada suatu jawaban pesti, yang dapat di-berikan oleh serjana2 bahasa di-mana pun juga.

(Bersambung)

KESELAMATAN JALAN RAYA

APAKAH chara-nya dan bagaimana kita hendak mengelakkan supaya pengguna2 jalan raya terlepas dari bahaya maut atau menjadi mangsa begitu saja.

Semua orang chinta pada hidup yang rukun damai, bukan hanya dalam soal rumah tangga atau hidup sa-hari2 bahkan chinta ada hidup sempurna, ada pancha indera lima dan sa-bagai-nya dan pendek kata semua orang mahu hidup lebeh lama lagi.

Tidak-lah berlebehan kalau kita katakan bahawa berjuta2 urut manusia di-dunia ini tidak mahu mati chepat; tidak mahu di-timpa malang dan mereka mahu hidup sempurna disamping menikmati kemewahan dunia.

Banyak orang berkata bahawa tidak siapa yang dapat mengelakkan diri dari di-timpa maut walau kita berkunji didalam peti sekalipun dan mati itu ada-lah di-tangan yang maha berkuasa ia-itu Tohan yang maha esa.

Kebenaran pada kata serupa ini memang tidak dapat di-napikan dan siapakah orang-nya yang boleh meneka bahawa ia akan mati pada sekian hari-bulan dan waktu.

Tetapi Tohan yang maha esa menyuruh kita berikhtiar dan berusaha baik di-lapangan dan segi apa sekalipun, maka itu wajib-lah kita berusaha dan berikhtiar untuk mengelakkan diri kita dari di-timpa malang.

Sa-bagai yang di-ketahui bahawa Negeri Brunei sa-hari demi sa-hari kian di-penuhi dengan keinderaan2 yang berbagai2 rupa dan bentuk dan kita juga selalu melihat kesebokan pegawai2 polis pada menjaga keselamatan orang ramai yang menggunakan jalan raya.

Pihak Polis juga kerap kali membuat seruan2 kepada orang ramai dan meminta kerjasama daripada pengguna2 jalan raya supaya menghormati peratoran2 jalan raya dan keinderaan yang telah di-tetapkan.

Baharu2 ini pula satu siaran khas yang merupakan nasehat kepada pemandu2 kereta2 telah di-keluarkan oleh Kerajaan dan di-bawah ini kita siarkan sa-penoh2-nya:

SIARAN KHAS KAPADA PEMANDU2

Sa-bagaimana yang di-ketahui atas angka kemalangan, terutama sekali kemalangan yang membawa maut bertambah banyak, dengan ini semua pengguna2 jalan raya ia-itu pemandu2 kereta, penunggang motosikal dan basikal dan orang2 berjalan kaki ada-lah di-beri amaran supaya mengikut nasehat2 yang berikut.

Ini ada-lah peratoran2 yang mana selalu sahaja enggan di-ikuti oleh pengguna2 jalan raya dan kesudahan-nya membawa maut.

* **ORANG2 BERJALAN KAKI:** Semua orang2 berjalan kaki hendak-lah berjalan dalam satu barisan dan tidak berganding dan hendak-lah berjalan di-tepi jalan sa-belah kanan. Jika jalan raya itu ada di-sediakan dengan tempat berjalan kaki, orang ramai ada-lah di-beri nasehat supaya jangan berjalan di atas jalan raya. Pada masa menyeberang jalan, sa-orang itu hendak-lah puas hati bahawa tidak ada sa-barang kereta datang dari kiri atau kanan. Jangan di-biarkan kanak2 berjalan dengan tidak berteman. Orang yang menemankan budak itu hendak-lah memegang tangan budak itu.

* **PENONGGANG2 BASIKAL:** Semua penonggang2 basikal ada-lah di-beri amaran bahawa yang berikut ini adalah menyalahi peratoran 152 di-bawah Peratoran Lalu-Lintas Jalan Raya, 1954:

- (a) Membawa orang lain di atas basikal;
- (b) Menonggang basikal berganding2; dan
- (c) Menonggang basikal dengan kaki yang terlalu pendek untuk mencapai pengayoh (paddle).

Penonggang2 basikal juga di-beri amaran bahawa ada-lah menjadi kesalahan kapada Peratoran 104 jika sa-buah basikal itu tidak di-lengkapi dengan pemancar merah yang baik dan terang dipasang di-sabelah bawah mud-guard belakang yang mana di-chat dengan warna puteh berkilat tidak kurang dari 12 inchi dari hujung mud-guard.

Penonggang2 basikal hendak-lah ingat bahawa keselamatan nyawa mereka tidak akan terjamin jika peratoran2 di-

atas ini tidak di-ikuti.

* **PENONGGANG2 MOTOSIKAL:** Jika awak sayangkan nyawa awak, hendak-lah awak menonggang motosikal atau scooter awak dengan cher-mat. Jangan sekali2 memotong kereta di-hadapan dengan tidak puas hati yang tidak ada kereta datang dari hadapan.

Jangan sekali2 menunjokkan yang awak ada-lah sa-orang penonggang yang chekap atau handal dengan memandu laju atau bengkok-bengkok di-antara kereta2 lain. Nyawa awak akan terancam.

Awak boleh juga memakai topi keselamatan untuk menjaga kepala awak akan tetapi jangan-lah menyangka yang dengan memakai topi keselamatan ini keselamatan awak akan terjamin.

* **PEMANDU2 KERETA SPORT:** Ingat-lah yang awak bukan di-tempat perumbaan untuk menunjokkan kelajuan awak memandu. Jika awak sa-orang yang suka berlumba, awak boleh-lah menhuba pada masa perlumbaan dan bukan di-sabarang tempat yang awak suka.

* **PEMANDU2 KERETA:** Ingat-lah bahawa kereta itu alat yang merbahaya dan sama-lah merbahaya-nya seperti sa-laras senapang atau api. Sa-belum dapat membunuh sa-saorang senapang itu hendak-lah di-tujukan kapada saorang itu, akan tetapi sa-buah kereta bukan sahaja membunuh sa-saorang yang menggunakan jalan raya. malahan juga akan membunuh diri awak sendiri dengan tidak di-ketahui.

Api ada-lah merbahaya jika awak tidak dapat mengua-

sai-nya, tetapi jika awak dapat menguasai-nya ia akan menolong awak memasak makanan. Begitu juga dengan sa-buah kereta, ia akan membawa awak ka-tempat2 yang awak tuju jika awak dapat menguasai-nya, tetapi jika tidak, ia akan membinasakan nyawa dan


* **PEMANDU TRAK ATAU LORI,** terutama sekali kepunyaan Kerajaan dan Askar: Tiap2 sa-buah trak atau lori ada di-lekatkan satu had laju tetap. Kebanyakan pemandu2 melebehi had laju ini. Kebanyakan pemandu2 menyangka yang mereka akan selamat jika berlanggar dengan sa-barang kereta lain di-sebabkan oleh berat dan besar badan trak atau lori yang mereka pandu itu. Ini adalah ganas. Awak hendak-lah berfikir dan menjaga keselamatan orang lain apabila awak memandu kereta2 sa-perti itu.

* **LAIN2 HAL KAPADA PEMANDU2 SEMUA JENIS KERETA:**

(a) Ada-lah menjadi kesalahan jika memandu sa-buah kereta yang tidak di-lengkapi mengikut kemahuan peratoran.

(b) Ada-lah menjadi kesalahan jika menyimpan sa-buah kereta di-tepi jalan raya di-mana tidak di-benarkan menyimpan kereta dengan tidak memasang lampu berhenti. Satu kemalangan telah berlaku apabila sa-buah kereta trak telah di-simpan di-tepi jalan raya dengan tidak memasang lampu berhenti.

Awak hendak-lah selalu memandu dengan fikiran yang waras dan selalu bertolak-an-sor untuk keselamatan semua pengguna2 jalan raya.



Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia di-Brunei telah menghadiahkan wang sa-banyak \$100 sa-bagai derma kapada anak2 yatim untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri baru2 ini. Derma Hari Raya itu telah di-sampaikan oleh Naib Yang Dipertua persatuan tersebut,

Ustadz Abdul Latiff bin Haji Hashim kapada Pengerusi Jawatan Kuasa derma itu Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin sa-belum menjelang Hari Raya Aidil Fitri. Dalam gambar ini kelihatan dari kiri ka-kanan:

Ustadz Abdul Latiff, Awang Kamaruddin Haji Omar (Setia Usaha P.K.M.S. di-Brunei), Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin (Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei).

JAWATAN JAWATAN KOSONG

RANCHANGAN MENGHAPUSKAN MALARIA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang sesuai dan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei bagi memenuhi jawatan2 kosong yang berikut dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria, Brunei.

PEMUNGUT SERANGGA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VI Melayu dan ada baik-nya jika pemohon2 mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan bahasa Inggeris.
- (2) Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat.
- (3) Keterangan2 mengenai tugas akan di-beri setelah di-lantek.
- (4) Pengalaman yang sudah2 dalam kerja menchegeh Malaria ada-lah satu keistimewaan.

Tugas2:

- (1) Menchari contoh2 serangga.
- (2) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei dan boleh jadi akan di-kehendaki bertugas pada sebarang masa.

Gaji:

Dalam sukatan \$183x7-214-220x10-260-280-290-300. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

PEJABAT PASOKKAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VI Melayu dan Form II Inggeris.
- (2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang di-kehendaki seperti yang di-nyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama lebih dari dua tahun dalam pekerjaan menchegeh malaria akan juga di-pertimbangkan.
- (3) Calon2 mesti-lah biasa dengan kawasan2 luar bandar, adat resam dan kebudayaan penduduk2 luar bandar.
- (4) Pengetahuan teknik tidak di-perlukan. Latehan akan di-beri setelah di-lantek.

Tugas2:

- (1) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.
- (2) Mesti-lah bersedia membuat tugas2 menchegeh malaria yang lain yang di-arrah oleh Pengarah, Ranchangan Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut diatas.

Gaji:

Dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290-310-330. Gaji

permulaan bergantung pada kelakuan dan pengalaman.

PENEROPONG KUMAN DALAM PERCHUBAAN:

Kelayakan2:

- (1) Mestilah berkelulusan Darjah VI Melayu dan Form III Inggeris.
- (2) Latehan akan di-beri kepada calon setelah di-lantek.

Tugas2:

- (1) Menyedia dan memeriksa chontoh2 darah.
- (2) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.
- (3) Mesti-lah bersedia membuat tugas2 menchegeh malaria yang lain yang di-arrah oleh Pengarah, Ranchangan

Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut diatas.

Gaji:

Dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290-310-330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 Februari, 1966.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Merinyu Kesehatan Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun, dan mereka mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau berhak untuk di-daftarkan sedemikian.

Pemohon2 mesti-lah lulus Peperiksaan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian (Credit) dalam bahasa Inggeris, dan sama ada dalam Ilmu Science atau General Science.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berbahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan \$240x10-260-280.

Sharat2 Lantekan:

Calon2 yang terpilih akan di-lantek sechara perchubaaan selama tiga tahun dan mesti-lah memperoleh Sijil "THE ROYAL SOCIETY OF HEALTH" dalam tempoh tersebut. Calon2 ini akan di-hantar ka-Singapura atau Malaya untuk mengikuti kursus dengan perbelanjaan Kerajaan.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat, Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 15 Februari, 1966.

Di-Pejabat Hal Ehwal Uagama

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenuhi beberapa jawatan kosong yang berikut di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei:-

1. IMAM (4 jawatan).
2. KHATIB (2 jawatan).
3. BILAL (1 jawatan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun. Mereka hendak-lah tahu menulis dan membaca serta mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-minta.

Peperiksaan bertulis akan diadakan dalam perkara2 yang berikut:-

- (a) Ibadat, (b) Munakahat, (c) Jinayat dan (d) Tauhid.
- Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:-
- (a) Bachaan Al-Quran;

(b) Bachaan dalam sembahyang.

(c) Khutbah (bagi Imam dan Khatib sahaja);

(d) Tarhim (bagi Bilal sahaja).

Pegawai2 yang bekerja di-Masjid Omar Ali Saifuddin ada-lah di-utamakan.

Gaji:

1. IMAM — \$240x10-340 \$350 x10-400 \$410x10-480.
2. KHATIB — \$200x10-300—\$310x10-400.
3. BILAL — \$180x10-380.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pegawai Perjawatan, Brunei, tidak lewat dari 4 Februari, 1966. Pemohonan2 yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-layan.

PEGAWAI IMIGRESEN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 lelaki yang menjadi ra'ayat DYMM Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenuhi 5 jawatan kosong sebagai Pegawai Imigresen di-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhidmat di-Pepabot Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan juga di-pertimbangkan.
- (b) Umur di-antara 17 dan 25 tahun.

Calon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas dimana2 tempat dalam Negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 - 4 \$120x10 - 270x15 - 360x20 - 620.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Februari, 1966.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazimnya melalui Ketua2 Pejabat.

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenuhi jawatan2 berikut di-Jabatan Bandaran Brunei:-

(a) TRADESMAN TINGKAT KHAS (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$380 x20-480.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan berkelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris. Berpengalaman selama lapan tahun sebagai Tradesman.

(b) PENYELENGGARA SEKTOR TINGKAT III (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$200 x10-330.

Kelayakan2: Berumur tidak kurang dari 20 tahun dan berkelulusan sekurang2-nya darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Februari, 1966.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Perlawanan Sokan Dan Olah Raga Sekolah2 Melayu

oleh Awang Md. Hussain Zainal

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Perlawanan Sokan dan Olah Raga Sekolah2 Melayu bagi tiap2 Bahagian di-seluruh Negeri Brunei dalam tahun 1965 ada-lah seperti berikut:

BRUNEI I

Johan: Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei. Naib Johan: Sekolah Melayu Lela Menchanai.

BRUNEI II

Johan: Sekolah Melayu Delima I (Berakas). Naib Johan: Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara.

BRUNEI III

Johan: Sekolah Melayu Pengkalan Batu. Naib Johan: Sekolah Melayu Pulau Berbu-nut.

TEMBURONG

Johan: Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar. Naib Jo-han: Sekolah Melayu Kinua.

BELAIT

Johan: Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. Naib Johan: Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

JAWATAN2 KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-jem-put untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Uagama Terlatih di-Jabatan Hal-Ehwal Uagama, Brunei.

Kelayakan2:

- (i) Umor di-antara 18 hing-ga 45 tahun.
- (ii) Lulus darjah khas Uga-ma Johor atau pun seband-ing dengan-nya.
- (iii) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau sebanding de-ngan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$211-220 x10-260-280-290x20-370-380x 20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Kontrek selama 3 tahun ter-masok masa perhubungan se-lama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari-pada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Uagama, Pejabat Hal-Ehwal Uagama, Brunei, tidak le-wat dari 20 Februari, 1966.

TUTONG

Johan: Sekolah Melayu Mu-da Hashim, Pekan Tutong. Naib Johan: Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya.

Upacara menyampaikan Perisai Rebutan kepada Seko-lah2 tersebut akan di-adakan di-temasha sokan tahunan se-kolah masing2 dalam tahun ini.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Februari hingga ka-hari Selasa 8 Februari, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
3	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
4	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
5	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
6	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
7	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
8	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Pertukaran Guru2 Penolong

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 1 Februari, 1966, guru2 yang nama-nya tersebut di-bawah ini di-atorkan bertukar, sa-belum meninggalkan sekolah tempat mengajar hendak-lah serahkan tanggung-jawab masing2 kepada guru besar dengan sempurna.

Nama guru2 itu ia-lah:

Bil:	Nama penoh:	Dari sekolah:	Ka-sekolah:	Menjadi:
1.	P. Md. Yasin bin P. Damit	Gadong	S.M.J.A.	G. Penolong
2.	Mahadi bin Metarsad Baru2	OKSB., Kilanas	SUAS., Muara	"
3.	Ya'akub bin Mantok	Serasa	Sengkuring	"
4.	Mohin bin Husain	Lambak	SUAS., Muara	"
5.	Baba bin Arshad	Kampung Bukit	Sultan Hassan Bangar	"
6.	Taha bin Abg. Muhamad	Ahmad Tajuddin	Telisai	"
7.	Hamzah bin Hj. Uting	Ahmad Tajuddin	S.M.J.A.	"
8.	Mustafa b. H.A. Ghafar	Rampayoh	Muhammad Alam	"
9.	Md. Said bin Idris	Danau	Bukit Sawat	"
10.	Md. Zain bin Haji Tengah	Batu Marang	Keriam	"
11.	Abang bin Adol	OKSB., Kilanas	Ukong	"
12.	Md. Jamil bin Mudin	Sungai Hanching	Ukong	"
13.	Ibrahim bin H. Misir	Bokok	Sultan Hassan Bangar	"
14.	Rosman bin Burut	Kinua	Sultan Hassan Bangar	"
15.	Shahbudin bin Paya	Sultan Hassan Bangar	Danau	"
16.	Zainah binte Umar	Sultan Hassan Bangar	Danau	"
17.	Muhamad bin H. Yasin	Bokok	SUAS., Muara	"
18.	Azahari bin H. Apong	S.M.J.A.	Sultan Hassan Bangar	"
19.	Ak. Ya'akub b. P. H. Muhamad	S.M.J.A.	Ahamad Tajuddin	"
20.	Abd. Rahman bin Md. Yusuf	S.M.J.A.	Muda Hashim	"
21.	Md. Judin bin Abd. Karim	Kampung Menengah	Keriam	"
22.	Umar Ali bin Esong	Bekiau	Muda Hashim	"
23.	Bol-Hasan bin A. Rahman	Mali'as	Muda Hashim	"
24.	Ak. Muhamad bin P.M. Salleh	Muhammad Alam	Rampayoh	"
25.	Badarudin bin Abd. Rashid	Ahmad Tajuddin	Labi	"
26.	Sulaiman bin Tahiruddin	Sinaut	Ukong	"
27.	Abd. Momin bin Paya	Bukit Udai	Sungai Liang	"
28.	Basni bin Ali Hasan	Panchong	Penanjong	"
29.	Ibrahim bin Kasim	OKSL., Subok	Sinaut	"
30.	Spawi bin Haji Pauji	Delima I	Pengkalan Batu	"
31.	Talib bin Pangis	Delima I	Lumapas	"
32.	Ismail bin Hassan	Delima I	Kasat	"
33.	Abd. Latif bin A. Chuchu	A.P. Burong Pingai	Pengkalan Batu	"
34.	Ak. Hasan b. P. Mohiddin	Kasat	Delima I	"
35.	A. Wasli bin Ibrahim	Pengkalan Batu	Lumapas	"
36.	A. Maksin bin Bakar	Pengkalan Batu	A.P. Burong Pingai	"
37.	Ahmad bin Tudin	Panchor Murai	OKSB., Kilanas	"
38.	Sulaiman bin M. Daud	Keriam	Lamunin	"
39.	Slaiman bin H. A. Latif	Lamunin	Keriam	"
40.	Siti Alam bte. Md. Noor	R.I.F.	Panchong	"
41.	Zaliha bte. Munchong	Penanjong	Kampung Menengah	"

MASA

MENUTOP

MEL

UDARA

BANDAR BRUNEI. — Masa menutup Mel Udara di-Pejabat Pos Brunei ka-tempat2 yang di-bawah ini ada-lah seperti berikut:

LABUAN: Hari Ithnin jam 3.30 petang. Hari Thalatha jam 3.30 petang. Hari Ra-bu jam 3.30 petang. Hari Khamis jam 3.30 petang. Hari Juma'at jam 3.30 pe-tang. Hari Sabtu jam 3.30 petang.

JESSELTON DAN SAN-DAKAN: Hari Ithnin jam 10.30 pagi. Hari Thalatha jam 10.30 pagi. Hari Rabu jam 10.30 pagi. Hari Kha-mis jam 10.30 pagi dan 3.30 petang. Hari Sabtu jam 10.30 pagi dan 3.30 pe-tang.

HONG KONG: Hari Ithnin jam 9 pagi. Hari Rabu jam 9 pagi.

SINGAPURA, PERSEKU-TUAN TANAH MELA-YU, NEGERI2 KOM-MONWEALTH DAN LUAR: Hari Ithnin jam 10.30 pagi. Hari Thalatha jam 10.30 pagi. Hari Rabu jam 10.30 pagi. Hari Kha-mis jam 10.30 pagi dan 3.30 petang. Hari Sabtu jam 10.30 pagi dan 3.30 pe-tang.

KUCHING, SIBU DAN MIRI: Hari Ithnin jam 8.30 pagi. Hari Thalatha jam 8.30 pagi. Hari Rabu jam 8.30 pagi. Hari Kha-mis jam 8.30 pagi dan 3.30 pe-tang. Hari Sabtu jam 8.30 pagi dan 3.30 petang.

LIMBANG DAN LAWAS: Hari Rabu jam 8 pagi dan Hari Sabtu jam 3.30 pe-tang.

Pertandingan Bintang Radio Brunei

Johan Lelaki — A. T. Ahmadi ★ Johan Wanita — Zainon Jamil

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 yang telah di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 28 Januari, 1966 adalah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI

LANGGAM: Johan — M. S.



DAYANG ZAINON JAMIL

189 ORANG DARI NEGERI INI BELAYAR KA-TANAH SUCHI

BANDAR BRUNEI. — Beribu2 orang Umat Islam telah membanjiri Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 26 Januari, 1966 untuk menguchapkan "Selamat Belayar Menunaikan Fardhu Haji" kepada seramai 189 orang dari negeri ini.

Jema'ah2 Haji tersebut ada-lah mengandungi seramai 129 orang lelaki dewasa, 40 orang perempuan dan 20 orang kanak2.

Mereka telah selamat belayar dari Brunei ka-Labuan dengan empat buah kapal2 Kerajaan Brunei, ia-itu kapal2 "Bolkih", "Sultan", "Muara" dan "Laila Menchanai". Barang2 mereka pula telah di-bawa ka-Labuan oleh kapal2 "Nakhoda Manis" dan "Pemancha".

Sa-baik sahaja jema'ah2 Haji tersebut tiba di-Labuan mereka telah menaiki kapal Haji "Anshun". Kapal Haji itu telah belayar ka-Jeddah pada hari tersebut juga dan telah singgah di-Singapura serta di-lain2 pelabuhan.

Jema'ah2 Haji tersebut telah di-iringi dari Labuan ka-Singapura oleh dua orang Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, ia-itu Pengiran Abas bin Pengiran Haji Besar dan Awang Md. Ali Yusof.

Sa-belum jema'ah2 Haji tersebut menguchapkan "Selamat Tinggal" buat sementara kepada kaum keluarga mereka dan lain2-nya di-Brunei, mereka telah mendengar ucapan2 mengandungi nasihat2 yang berharga oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Dakry (Daerah Brunei dan Muara). Naib Johan — A. T. Ahmadi (Daerah Brunei dan Muara). Pemenang Ketiga — M. Bakry (Daerah Temburong).

ASLI: Johan — A. T. Ahmadi (Daerah Brunei dan Muara). Naib Johan — M. S. Bakry (Daerah Brunei dan Muara). Pemenang Ketiga — Mohamed Zain Othman (Daerah Belait).

A.T. Ahmadi dengan memperoleh sa-jumlah 169 mata, telah di-pilih sebagai **PENYANYI LELAKI YANG TERBAIK SEKALI**. Dengan keputusan itu ia telah berhasil menyandang **OSKAR** rebutan yang di-hadiahkan oleh Radio Brunei.

Gelaran Naib Johan dalam Bahagian Penyanyi Lelaki yang terbaik sekali di-sandang oleh M. S. Bakry. Ia telah mendapat sa-jumlah 166 mata dan di-turuti oleh M. Bakry

yang telah mendapat sa-jumlah 160 mata.

BAHAGIAN WANITA

LANGGAM: Johan — Zainon Jamil (Daerah Belait). Naib Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim (Daerah Temburong). Pemenang Ketiga — P. I. Sunah (Daerah Brunei dan Muara).

ASLI: Johan — Zainon Jamil (Daerah Belait). Naib Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim (Daerah Temburong). Pemenang Ketiga — S. Mahani (Daerah Belait).

PENYANYI WANITA YANG TERBAIK SEKALI — Zainon Jamil. Zainon telah mendapat sa-jumlah 172 mata dan juga menerima **OSKAR** rebutan yang di-hadiahkan oleh Radio Brunei. Pemenang yang kedua dalam bahagian ini ia-lah Thaibah Haji Abdul Rahim. Thaibah telah mendapat sa-jumlah 168 mata. Pemenang ketiga dalam bahagian



AWANG A. T. AHMADI

ini ia-lah S. Mahani. Mahani telah mendapat sa-jumlah 163 mata.

Yang Mulia Datin Zubaidah, ia-itu isteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 tersebut.

Pertandingan Bintang Radio Brunei

(Dari muka 1)

Mari-lah sekarang kita renong sejenak tenaga2 yang berusaha dalam bahagian Melayu Radio Brunei. Pada beberapa tahun yang lalu, jumlah tenaga yang bertugas dan berusaha di-Radio Brunei, terutama sekali bahagian Melayu-nya, ada-lah sama banyak-nya, dengan jumlah dan kaki tangan-nya, yang ada sekarang ini. Tetapi pada tahun2 yang lalu itu, siaran Bahagian Melayu Radio Brunei, tidak-lah sama dengan siaran-nya yang ada sekarang ini.

Pada masa ini, siaran Bahagian Melayu, bertambah masa-nya, seperti mana tuan2 dan puan2 maklom. Namun demikian, kaki tangan dan tenaga yang begitu kecil, dapat berusaha dan bekerja untuk mengusahakan rancangan masing2 yang mereka terbitkan. Jadi-nya memandang keadaan begini, dapat-lah kita pastikan, bagaimana kakitangan dalam bahagian Melayu Radio Brunei berusaha dan bekerja.

Akhir-nya, saya sekali lagi me-

PEMBUKAAN SEKOLAH2 MELAYU DAN INGGERIS

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-buka sa-mula sa-lepas kelulusan2 akhir persekolahan tahun lalu. Bulan Puasa dan Hari Raya pada hari Ahad 30 Januari, 1966. Sekolah2 Inggeris Kerajaan pula telah di-buka sa-mula sa-lepas kelulusan2 tersebut pada hari Ithnin 31 Januari, 1966.

Jadual Lawatan Rombongan Penghapus Malaria

BANDAR BRUNEI. — Rombongan penghapus malaria telah melawat ka-beberapa tempat di-daerah Brunei semenjak beberapa hari yang lalu untuk menyebarkan ubat DDT kepada rumah2 yang berkenaan.

Jadual lawatan rombongan tersebut mulai pada hari ini hingga ka-hari Rabu 9 Februari, 1966 ada-lah seperti berikut:

Hari ini: Kampong2 Kiulap, Burong Pingai, Madang, Subok. Esok: Kampong2 Kiarong, Anggerek Desa, Sungai

nguchapkan tahniah kepada bahagian Melayu Radio Brunei, atas kejayaan-nya mengadakan pertandingan bintang radio tahunan-nya malam ini. Kepada para peserta, saya ucapkan selamat bertanding dan kepada para penonton di-ucapkan selamat menonton. Saterus-nya di-ucapkan selamat mendengar kepada para pendengar sekalian.

Sementara itu, Ketua Pengelola Rancangan Radio Brunei, Awang Yusof bin Haji Abdul Kadir telah mengucapkan tahniah kepada peserta2 lelaki dan perempuan yang berjaya merebutkan gelaran Johan Bintang Radio Brunei tahun ini.

Dalam ucapan beliau sebagai pengambil alih pertandingan Bintang Radio Brunei tahun ini, Awang Yusof bin Haji Kadir menegaskan, bahawa sejak pada tahun 1960, kita telah pun melahir-

kan beberapa orang Bintang2 Radio dan sekarang kita boleh-lah berbangga dengan **BINTANG2 NASIONAL** kita.

"Kerana itu", kata beliau, "mulai dari sekarang, mari-lah kita belajar MEMUJA BINTANG2 PENYANYI yang lahir dari kandungan Ibu Pertiwi kita sendiri. Bintang2 yang mengulung keindahannya dan budaya Tanah Ayer kita."

Pemangku Pengelola Bahagian Melayu Radio Brunei, Awang Abdul Wahab Mohamed pula menegaskan bahawa semenjak diadakan Pertandingan Bintang Radio Brunei dari tahun 1960 membawa ka-tahun 1966, sambutan dari para peminat-nya sungguh benar2 menarik perhatian dan mengukuhkan sekali.

Para peserta-nya, bukan sahaja terdiri dari penyanyi2 amatir baru dan lama, tetapi dari orang2 yang pernah menyandang gelaran johan dan naib johan yang ingin mempertahankan gelaran mereka pun ikut serta beradu, kata beliau.

Peraduan Bahath Asterawani

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Bahath anjoran Persatuan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei, Peringkat Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 11 Januari, 1966 mulai jam 9 pagi.

Sa-banyak delapan pasokan akan mengambil bahagian dalam Peraduan Bahath tersebut.

Pasokan yang berjaya dalam Peraduan Bahath tersebut akan melawan Pasokan2 yang berjaya dari lain2 daerah untuk merebutkan gelaran Kejohanan Sa-Negeri Brunei.

Dayang Sainah Dapat Gelaran Ratu Rumah Sakit

BANDAR BRUNEI. — Dayang Sainah Yusof telah berjaya merebutkan gelaran sebagai RATU RUMAH SAKIT TAHUN 1965.

Peraduan tersebut telah di-langsungkan di-Dewan Asrama Juru-

rawat, Rumah Sakit Besar, Brunei pada malam 29 Januari, 1966 dibawah anjoran Kaum Muslimin dan Muslimat, Pejabat Perubatan dan Kesehatan Brunei, sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Pancharagam Gema Senandung telah bermain di-temasha tersebut. Beberapa orang penyanyi2 tempatan termasuk Mathews dan saudara-nya telah memperdengarkan suara mereka di-temasha itu.

Keputusan penoh Peraduan Ratu Rumah Sakit tersebut ada-lah seperti berikut:

Johan — Dayang Sainah Yusof. Naib Johan — Dayang Betty Chong. Pemenang Ketiga — Dayang Arine Chee.